

# Tender secara selektif bolehkan tebatan banjir Johor ditambah

Perolehan menjadi lebih teratur dalam usaha menyelamatkan wang rakyat

Oleh Fahmy A Rosli dan Muhamad Lokman Khairi  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Perolehan tender yang dibuat secara selektif oleh kerajaan membolehkan satu projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Johor ditambah menjadi dua, tetapi tetap menggunakan jumlah dana yang sama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pelaksanaan perolehan tender secara selektif untuk projek berkenaan menjadi lebih teratur berbanding yang dilakukan sebelum ini, sebagai usaha Kerajaan Perpaduan pimpinannya menyelamatkan wang rakyat.

"Kita harus menumpukan kepada membetulkan kesilapan ini. Saya bukan nak hentam orang. Saya nak selamatkan dan supaya dapat pulangkan balik wang kepada rakyat. Itu kerja saya."

"Lihat projek tebatan banjir sebagai contoh. Peruntukan RM15 bilion, jika diikutkan projek dulu setakat lapan atau sembilan projek saja. Apabila kita buat tender selektif, kita buat kerja lebih teratur."

"Tambah projek lagi daripada satu projek tebatan banjir di Johor, menjadi dua (projek) daripada dana sama, tetapi diurus dengan cekap dan telus," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar presiden di Kongres khas PKR di sini, semalam.

Perdana Menteri juga menggunakan platform kongres semalam untuk menjelaskan kerajaan tidak 'pilih bulu' dengan pembangkang, sebaliknya terus meluluskan pembangunan seperti projek RTB di negeri ditadbir pembangkang.

Beliau turut menafikan kenyataan dibuat Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang yang melmparkan dakwaan kononnya Kerajaan Perpaduan mengabaikan negeri pembangkang.

"Bukan hanya (kita laksanakan projek RTB) di Johor saja, (projek) tebatan banjir besar di Sungai Golok turut dilaksanakan Kerajaan Pusat walaupun kita tidak menang satu kerusi."

"Jadi untuk (ahli Parlimen) Marang apabila (beliau) sebut (Kerajaan Pusat) zalim kerana melewatkan projek dan tidak membantu projek di negeri ditadbir pembangkang, (beliau) pakai (rujuk) kitab mana."

"Sebab itu saya tegaskan di Parlimen, jangan guna al-Quran dan hadis termasuk guna hujah Islam untuk memfitnah kerana itu kalau (dakwaan) tidak betul, kita lawan."

"Ini yang sebut menunggang agama, baca al-Quran, tetapi tafsir ikut dia," katanya.

Menyentuh projek diberikan menerusi program Jana Wibawa, Perdana Menteri mendedahkan ada projek dikurnia kepada syarikat bukan Bumiputera, sedangkan matlamat asal inisiatif itu untuk membantu syarikat Bumiputera.

Selain itu, beliau mendedahkan pembayaran menerusi program Jana Wibawa melampaui kadar asal ditetapkan.

"Ada projek untuk tolong Bumiputera, kita tengok ada projek (beri) kepada syarikat Cina besar (yang) baik (dengan pemimpin parti politik). (Sedangkan projek) Jana Wibawa untuk (syarikat)



Anwar melancarkan Misi Banjir Khidmat Malaysia ke Johor oleh Angkatan Muda Keadilan (AMK) pada Kongres Nasional Khas Parti Keadilan Rakyat di Stadium Melawati, Shah Alam, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Bumiputera, jadi kontraktornya harus Bumiputera.

"Yang (syarikat) Cina pun ada. Kemudian bayaran (untuk syarikat berkenaan) tinggi. Tengok kontrak jadi lain," katanya.

Sementara itu, di Bagan Datuk, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebahagian peruntukan tambahan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebanyak RM150 juta akan digunakan bagi pembelian jambatan Bailey menghubungkan segera kawasan terputus hubungan akibat banjir.

Beliau berkata, perkara itu su-

dah dipersetujui Kabinet baru-baru ini.

Katanya, jawatankuasa bencana peringkat daerah sedang menyelaraskan keperluan pembinaan jambatan Bailey di kawasan yang mengalami jalan terputus.

"Setakat ini, Ahli Parlimen Sejangkit beritahu saya keperluan jambatan itu dan jawatankuasa peringkat daerah sedang menyelaraskan supaya jalan yang putus dipasang jambatan Bailey sebelum pembaikan dan juga peningkat tarafan dilakukan sepenuhnya (jambatan asal) di kawasan terabit," katanya selepas Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bagan Datuk di Kompleks UMNO Bagan Datuk, di sini, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah juga berkata, 15 sekolah di beberapa daerah di Johor yang masih tidak boleh beroperasi bagi sesi persekolahan esok kerana masih terjejas banjir.

"NADMA, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang menyelaras usaha pasca banjir ini bersama kementerian dan Jabatan Pendidikan negeri serta daerah dan sekolah terjejas banjir," katanya.

"Apabila banjir surut sepenuhnya, kerja pembersihan pasca banjir akan dilakukan bagi membolehkan pelajar masuk semula," katanya.